

09/11/2000

Kenangan tersendiri Hari Puisi di Langkawi

Jamudin Idris

HARI Puisi Nasional ke-15 di Pulau Langkawi mencatat sejarah kerana inilah kali pertama Hari Puisi Nasional dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selain dihadiri wakil Melayu antarabangsa dan budayawan serantau.

Walaupun majlis perasmian yang pada mulanya dijadualkan sebelah petang, dianjak pada waktu malam, tetapi kemeriannya tetap dirasakan terutama kesediaan Perdana Menteri untuk turut penyampaian hadiah kepada penerima Anugerah Penyair Gapena 2000, Affrini Adham dan meluangkan masa berbual dengan penyair selepas majlis perasmian.

Bagi Affrini, ia cukup bermakna kerana majlis penganugerahan pada 4 November adalah hari lahirnya.

Hari Puisi ke-15 dihadiri kira-kira 300 penyair dan budayawan dari dalam dan luar negara serta beberapa wakil Melayu antarabangsa seperti Ismail Peterson dan Tasneem Kalam dari Afrika Selatan, Yussof Cuttilan (London), dan Mohammad Acekil (Sri Lanka).

Oleh sebab hari puisi pertama untuk abad ke-21 diadakan di Langkawi, destinasi yang cukup agung, tentu ramai yang ingin turut serta, tambahan pula budayawan serantau sudah lama memasang impian untuk bertemu Dr Mahathir.

Hal itu tentu saja memeningkan pihak urusetia kerana kehadirann di luar jangkaan menyebabkan mereka berdepan dengan beberapa masalah khususnya tempat tinggal. Ramai juga yang terpaksa berpisah dari Kampung Tok Senik dan sekali sekala menjenguk bengkel yang dijalankan.

Dengan memilih Jumaat untuk hari pendaftaran, ramai peserta terpaksa korbankan fardu Jumaat. Walaupun mereka sudah mendaftar pada sebelah pagi dan menanam azam untuk solat Jumaat tetapi kerana ketiadaan kenderaan mereka tidak dapat solat Jumaat di Langkawi. Sepatutnya penyediaan kenderaan diambil kira oleh pihak penganjur.

Pada malam hari pertama Hari Puisi Nasional, peserta dibawa ke Dataran Helang untuk acara deklamasi puisi. Ia baik tetapi lebih molek jika disediakan kerusi atau setidak-tidaknya tikar untuk orang ramai duduk walaupun ia acara yang agak santai.

Memandangkan Hari Puisi Nasional XV diadakan sempena dengan Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa), peserta dibawa ke Muzium Seni Ibrahim Hussein di Pasir Tengkorak.

Ramai yang kagum dengan kegiatan seni di situ tetapi lebih penting ramai yang tabik dengan kegigihan pelukis tersohor Ibrahim Hussein mencari dana di seluruh dunia membangun muzium berkenaan.

Selepas makan tengah hari, sesi diskusi dimulakan dan sesuai dengan tema kali ini, 'Puisi, Penyair dan Era Siber', persoalan siber dan sastera menjadi agenda pertama. Pembicaraanya terdiri daripada Prof Madya Datuk Dr Jamaludin Mohaiadin dari Universiti Sains Malaysia, Abdul Rahman Mohd Said dari Singapura, Daery Viddy AD dari Indonesia dan Prof Dr Wan Tajuddin Wan Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walaupun rata-rata membicarakan mengenai kepentingan Internet kepada golongan penyair tetapi nampaknya tidak ramai penyair yang bersedia ke arah itu. Ini nampaknya menggusarkan pengerusi diskusi, Prof Madya Dr Ismail Abdullah dari Universiti Sains Malaysia.

Sesuai dengan hari puisi alaf baru yang menjadi kemuncak pertemuan, tema yang dipilih ialah 'Puisi, Penyair dan Era Siber' cukup untuk menggambarkan perlunya puisi dipertahankan pada zaman globalisasi.

Hari Puisi Nasional XV adalah anjuran kerajaan negeri Kedah dan dikelolakan Majlis Kebudayaan Negeri, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (Asasi), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Perpustakaan Awam Kedah.

Hari Puisi Nasional adalah perhimpunan rasmi bagi penyair Malaysia yang dicetuskan pada 1971 oleh Sasterawan Negara Usman Awang dan rakan-rakannya di Pantai Kundur, Tanjung Keling, Melaka.

Acara itu sehingga kini diadakan di pelbagai tempat di seluruh negara seperti Kuala Lumpur (1972), Klang (1974), Melaka (1975), Kota Bharu (1981), Semantan, Sarawak (1984), Kota Kinabalu (1987), Kuala Terengganu (1988), Pulau Pinang (1991), Johor Bahru (1995) dan Negeri Sembilan (1999).

Melalui perhimpunan itu, penyair dan peminat sastera berkesempatan berbincang mengenai persoalan puisi, dunia kepenyairan dan masyarakat.

Nyata Hari Puisi di Langkawi meninggalkan kesan kenangannya tersendiri kepada peserta sama ada mereka berpuas hati dengan hari puisi kali ini atau berpuas hati kerana dapat berbelanja murah di Langkawi.

(END)